



ERWAN Shah Soahdi (kiri) memeriksa nelayan asing Vietnam yang ditahan dan dibawa Jeti Tok Bali, Pasir Puteh semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

# Dua bot pukat Vietnam rompak hasil laut ditahan

UM 20/03/24 M/S 30

**PASIR PUTEH:** Agensi Pengawatan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan dua bot pukat tunda ganding Vietnam selepas ‘merompak’ hasil laut negara sebanyak satu tan di lokasi 296 kilometer (km) dan 300 km dari Kuala Tok Bali di sini, Sabtu lalu.

Dalam operasi itu, Maritim Kelantan berjaya menahan 23 nelayan asing termasuk tekong berusia 16 hingga 55 tahun pada pukul 11 pagi.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, pemeriksaan

yang dijalankan mendapati kesemua mereka tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

Menurutnya, kedua-dua bot itu dikesan dalam keadaan mencurigakan kira-kira pukul 11 pagi sebelum bot pertama ditahan kira-kira 28 minit kemudian.

“Bot kedua pula ditahan pada pukul 12.14 tengah hari. Pemeriksaan awal mendapati, bot pertama mempunyai 17 awak-awak bersama seorang tekong manakala bot kedua seramai empat awak-awak, seorang tekong.

“Anggota pengawal kuasa tu-

rut merampas 1,000 kilogram pelbagai hasil laut, peralatan menangkap ikan, navigasi dan komunikasi termasuk 2,500 liter bekalan diesel dengan anggaran keseluruhan bernilai kira-kira RM3 juta,” kata beliau di Pejabat Maritim Malaysia Kelantan, Tok Bali di sini semalam.

Erwan Shah berkata, bot terbabit disyaki mencuri hasil laut yang akan disiasat di bawah Seksyen 15 (1)(a) kerana gagal memperlihatkan dokumen kebenaran menangkap ikan dengan kebanaran Ketua Pengarah Perikanan.